

FAKTOR-FAKTOR YANG DIAMBILKIRA OLEH JURUKUR BAHAN DALAM
MENENTUKAN KETEPATAN ANGGARAN PRA-TENDER

TAN CHEW LING

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

MEI, 2007

ABSTRAK

Anggaran boleh disediakan pada setiap peringkat yang berlainan dalam projek pembinaan. Oleh itu, adalah penting mengambilkira beberapa perkara berikut seperti tujuan anggarannya, peringkat tujuan yang disediakan, faktor-faktor yang mempengaruhi anggaran dan tahap risiko yang wujud dalam projek tersebut semasa menyediakan anggaran. Ketepatan anggaran diukur dengan membandingkan anggaran awal dengan kos sebenar kerja pembinaan. Sehubungan dengan ini, objektif penyelidikan ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang diambilkira oleh Jurukur Bahan dalam menentukan ketepatan anggaran pra-tender. Untuk mencapai objektif tersebut, satu set soal borang selidik berstruktur yang berasaskan skala Likert telah diedarkan kepada responden dan program penganalisan khas *Statistical Packages for Social Science (SPSS)* digunakan bagi mencapai maksud kajian ini. Dua belas (12) kategori faktor utama yang diambilkira oleh Jurukur Bahan dalam menentukan ketepatan anggaran pra-tender dikenalpasti iaitu kaedah anggaran, diikuti dengan maklumat projek, kebolehan penganggar, keadaan pasaran, masa untuk menyediakan anggaran, data kos, lokasi, ciri-ciri projek, tujuan anggaran, keadaan kewangan klien dan belanjawan, jenis klien dan faktor luar jangkaan. Analisis selanjutnya mengenai faktor yang diambilkira berdasarkan jenis projek dan saiz yang berlainan. Hasil kajian menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan yang ketara dalam turutan kedudukan bagi faktor-faktor tersebut antara jenis projek dan saiz yang berlainan. Tambahan pula, dari hasil tersebut didapati bahawa apabila saiz projek bertambah, faktor yang diambilkira tersebut semakin dipentingkan.

ABSTRACT

Estimates can be prepared at any stage during a project, but in order to make use of an estimate it is important to consider its purpose, stage of the project when it was prepared, factors influencing cost estimating and the degree of risk inherent in the project. The reason for estimating is to provide the most realistic prediction possible of time and cost at any stage in a project. The accuracy of an estimate is measured by how well the estimated cost compares to the actual total installed cost. Therefore, this research is carried out with the hope to identify the major factors influencing the accuracy of pre-tender estimate. This study was conducted by the survey method using a set of structured questionnaires based on Likert Scale which were sent to respondents and the Statistical Packages for Social Science (SPSS) analysis system have been used to achieve the outcome of research. The initial analysis of the 12 factors considered in the study shows that sequence order of the main factors relevant to cost estimating practice are estimating method, project information, ability of estimator, market conditions, time for preparation of the estimate, cost data, location of the project, project characteristics, purpose of the estimate, client financial situation and budget, types of the client and unexpected factor. The further analysis based on different type and sizes of the project, shows that there is no obvious change in sequence of factors between the different type and size of the project. Furthermore, outcome of the study shows that the majority of respondents were found to pay more consideration on these factors of inaccuracy estimating when the size of project has increased.